

Ruj kami : AKKM:1/7/3 Jld.5 (66)

Tarikh : 14 Januari 2026

Kepada semua  
Koperasi / Organisasi Pelanggan  
Biro Perkhidmatan ANGKASA (BPA).

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

PEKELILING KOPERASI BILANGAN : 01/2026.

**PELAKSANAAN DAN PERATURAN HAD MAKSIMUM POTONGAN GAJI 60% - SISTEM POTONGAN GAJI ANGKASA. (e-SPGA)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti semua sedia maklum, arahan had potongan gaji maksimum yang diuruskan melalui e-SPGA ialah 60%. Oleh itu semua koperasi dan organisasi pelanggan perlu mematuhi arahan ini. Tiada sebarang pengecualian pada peraturan tersebut untuk semua jenis permohonan seperti pembiayaan kredit, pembiayaan bertindih, tambahan pembiayaan, penjadualan semula, potongan bayaran premium insuran, yuran, simpanan, saham dan sebagainya.

3. Semua koperasi dan organisasi pelanggan perlu bertanggungjawab untuk menyemak dokumen sebelum dihantar dan dimuat naik dalam e-SPGA. Pastikan dokumen adalah yang sahih, lengkap dan betul. Bagi penjawat awam yang berkhidmat dibawah Jabatan Akauntan Negara Malaysia, perlu lampirkan penyata gaji yang mengandungi QR kod dan masih sah.

4. Jika ANGKASA mendapati salinan penyata gaji dan maklumat lain yang dihantar dan dimuat naik dalam e-SPGA adalah tidak sahih dan dimanipulasi, **ANGKASA tidak teragak-agak untuk hentikan potongan dan menarik balik kod potongan yang telah diluluskan.**

5. Pekeliling ini berkuatkuasa serta-merta. Semua koperasi dan organisasi pelanggan perlu pastikan arahan ini dipatuhi.

Sekian, terima kasih.

“SADIK, AMANAH, TELUS”

Yang benar,



**HAMZAH BIN HAJI IBRAHIM**  
Pengurus Besar Kanan  
Kumpulan Kewangan Korporat  
ANGKASA

Fax: wma/pekeliling012026.

